



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENGGUNAAN TEATER BONEKA DALAM KAEDAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN UNTUK MENINGKATKAN DOMAIN PSIKOMOTOR MURID BERKEPERLUAN KHAS



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

LAKSHMI A/P PERMAL

UNIVERSITI PENDIDIKANSULTAN IDRIS

2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ii

PENGGUNAAN TEATER BONEKA DALAM KADEAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN UNTUK MENINGKATKAN DOMAIN PSIKOMOTOR MURID BERKEPERLUAN KHAS

LAKSHMI A/P PERMAL



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA SASTERA (MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2021



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**Sila tanda (✓)**

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

/

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada **24TH of MAY 2021**

i. Perakuan pelajar :

Saya, **LAKSHMIA/P PERMAL. M20151000938. FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN** (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk **PENGGUNAAN TEATER BONEKA DALAM KAEDAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN UNTUK MENINGKATKAN DOMAIN PSIKOMOTOR MURID BERKEPERLUAN KHAS** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

LAKSHMIA

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, **mohd kipli b. Abdul Rahman** (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk **Penggunaan Teater Boneka dalam Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran untuk Meningkatkan Domain Psikomotor Murid Berkeperluan Khas.**

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah

(SLA NYATAKAN NAMA

IJAZAH).

24/5/2021
Tarikh

Tandatangan Penyelia

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES****BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: PENGGUNAAN TEATER BONEKA DALAM KAEDAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN UNTUK
MENINGKATKAN DOMAIN PSIKOMOTOR MURID BERKEPERLUAN KHAS

No. Matrik / Matric's No.: M20151000938

Saya / I : LAKSHMI A/P PERMAL

(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (√) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (√) for category below:-

SULIT/CONFIDENTIAL


Mengandungi maklumat yang berdajah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dilakukan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

LAKSHMI



(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor
& DELEGASI COP RESMI / OFFICER & OFFICIAL STAMP)

ASSOCIATE PROFESSOR
Fakulti Muzik dan Seni Persembahan
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjung Malim, Perak

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkewenang dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.

PENGGUNAAN TEATER BONEKA DALAM KAEDAH PENGAJARAN DAN





PENGHARGAAN

Segala puji dan kesyukuran kepada "Maha Muruga" yang memberkatiku dengan kekuatan yang besar, keberanian dan kesabaran untuk menyiapkan kajian ini. Khususnya saya ingin mengucapkan terima kasih kepada penyelia yang menyokong dan membantu saya, Profesor Madya Dr. Mohd Kipli bin Abdul Rahman kerana memberi galakan, bimbingan dan sokongan dalam menyiapkan kajian ini. Tanpa bantuan beliau, kajian ini tidak akan selesai. Profesor Madya Dr. Mohd Kipli bin Abdul Rahman sentiasa menjadi sumber motivasi saya dari awal hingga ke akhir menyiapkan kajian ini. Oleh itu, terima kasih terutamanya kepada Profesor Madya Dr. Mohd Kipli bin Abdul Rahman.

Terima kasih khas ditujukan kepada suami En. Vassu A/L Kupusamy yang memberi sokongan dan dorongan dan tidak jemu meluangkan masa dan tenaga serta perbelanjaan bagi menyiapkan penyelidikan saya. Saya juga ingin merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada ibu bapa saya. Disebabkan oleh sokongan dan doa mereka, saya berjaya melengkapkan pengajian Masters saya. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih juga ditujukan kepada orang-orang yang membantu saya semasa perjalanan kajian saya dengan sokongan berterusan sehingga ke garisan penamat. Terima kasih khas kepada semua rakan-rakan saya di UPSI yang juga telah menggalakkan saya semasa pembelajaran saya dan kepada semua yang telah membantu saya untuk menyiapkan perjalanan mencabar kajian ini. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada semua kakitangan akademik dan pentadbiran di UPSI.





ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti jika teknik teater boneka dalam pembelajaran murid berkeperluan khas (MBK) dapat meningkatkan domain psikomotor di kalangan mereka. Teater boneka ialah sebuah teknik alternatif pengajaran di mana para pengajar menggunakan teknik tersebut dalam usaha untuk menarik minat sesebuah subjek atau peristiwa kepada murid. Walaubagaimanapun, keberkesanan teater boneka sebagai kaedah pedagogi belum pernah dibuktikan dalam meningkatkan domain psikomotor, terutama bagi MBK walaupun aspek perkembangan ini dilihat sebagai amat penting untuk dipertingkatkan dalam perkembangan mereka. 10 peserta MBK telah dipilih sebagai responden bagi kajian lapangan yang bertempat di Sekolah Kebangsaan Tunku Azizah, Kuantan, Pahang yang mempunyai masalah psikomotor yang telah disahkan oleh guru mata pelajaran mereka. Oleh kerana itu, objektif kajian ini adalah untuk mengkaji tahap pencapaian domain psikomotor menerusi penggunaan teater boneka di kalangan MBK serta menentukan tempoh yang diperlukan oleh setiap MBK untuk mula bertindak balas dalam meningkatkan domain psikomotor mereka setelah penggunaan teater boneka dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran. Metodologi kajian adalah menggunakan kaedah kualitatif dalam mengumpul maklumat dari responden iaitu dengan menggunakan kajian kes terhadap 10 MBK di sekolah kajian. Dapatkan kajian ini membuktikan bahawa implementasi teater boneka di sekolah yang mempunyai kelas pendidikan khas mendapat kesan positif yang memberangsangkan dari peningkatan domain psikomotor yang diukur seperti presepsi, respon, adaptasi dan organisasi. Kesimpulan dari kajian ini adalah teknik teater boneka dapat meningkatkan domain psikomotor di kalangan MBK yang terlibat dalam kajian lapangan di mana mereka membuktikan bahawa mereka mampu bercerita, menggerakkan tangan serta menghafal bagi membuat persembahan seperti yang terdapat dalam kaedah kajian. Oleh itu kajian ini mengesyorkan bahawa teater boneka adalah sangat sesuai diamalkan terhadap MBK bagi meningkatkan domain psikomotor di kalangan mereka. Kajian ini memberi implikasi kepada aspek praktikal pendidikan khas di Malaysia sebagai sumber rujukan kepada guru-guru pendidikan khas dalam usaha mempertingkatkan lagi kualiti pengajaran dan pembelajaran di masa akan datang.





THE USE OF PUPPET THEATER IN TEACHING AND LEARNING METHODS TO IMPROVE THE PSYCHOMOTOR DOMAIN STUDENTS WITH SPECIAL NEEDS

ABSTRACT

This study aims to identify if puppet theater techniques in the learning of special needs students (MBK) can increase their psychomotor domain. Puppet theater is an alternative teaching technique to attract the interest of a subject or event to students. However, the effectiveness of puppet theater as a pedagogical method has never been proven to improve the psychomotor domain, especially for MBK although this aspect of development very important to be enhanced. 10 MBK participants were selected as respondents for the field study located at Sekolah Kebangsaan Tunku Azizah, Kuantan, Pahang who have psychomotor problems that have been confirmed by their subject teachers. Therefore, the objective of this study is to study the level of achievement in psychomotor domain through the use of puppet theater among MBK and determine the period required by each MBK to start responding in improving their psychomotor. The methodology of the study is qualitative method by using case studies on 10 MBK in the school under study. The findings of this study proved that the implementation of puppet theater in schools with special education classes has a positive effect from the increase of measured psychomotor domains such as perception, response, adaptation and organization. The conclusion from this study is that puppet theater techniques can increase the psychomotor domain among MBKs involved in field study where they proved that they are able to tell stories, move hands and memorize to perform as stated in the study method. Therefore, this study recommends that puppet theater is very suitable to be practiced for MBK to increase their psychomotor domain. This study has implications for the practical aspects of special education in Malaysia as a source of reference for special education teachers in an effort to further improve the quality of teaching and learning in the future.





KANDUNGAN

	MUKASURAT
PENGAKUAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv

BAB 1 PENGENALAN

1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Teater Boneka Dalam Bidang Pendidikan	5
1.3 Tujuan Kajian	8
1.4 Penyataan Masalah	10
1.5 Objektif Kajian	14
1.6 Persoalan Kajian	15
1.7 Hipotesis Kajian	16
1.8 Kerangka Kajian	16
1.9 Skop dan Batasan Kajian	18
1.10 Signifikasi Kajian	20
1.11 Definisi Pembolehubah Kajian / Definisi Operasional	22
1.12 Rumusan	27





BAB 2 SOROTAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan	28
2.2 Teater, Improvisasi Dan Penceritaan	29
2.3 Bagaimana Teknik Teater Membantu Perkembangan Kanak-Kanak?	33
2.4 Sumbangan Teater dalam Pembangunan Kanak-Kanak	37
2.5 Jenis Sekolah Pendidikan Khas	42
2.6 Tindakan Kerajaan Malaysia Dalam usaha Memajukan Program Pendidikan Khas	43
2.7 Apa itu Pendidikan Khas?	45
2.8 Kategori Murid Pendidikan Khas	46
2.9 Jenis Pendidikan Khas	55
2.9.1 Pendidikan Inklusif	55
2.9.2 Pendidikan Integrasi	57
2.9.3 Pendidikan Khas	59
2.10 Latar Belakang Murid Berkeperluan Khas	61
2.11 Peranan Guru Dalam Kelas	61
2.12 Kepentingan Sikap Guru Dalam Kelas Pendidikan Khas	63
2.13 Kompetensi Guru Untuk Mengurus Bilik Darjah Inklusif	65
2.14 Pendidikan Berteraskan Fizikal	67
2.15 Perkembangan Psikologi kesan Penglibatan Aktiviti Fizikal	69
2.16 Jenis Pembelajaran	71
2.16.1 Pembelajaran Koperatif	71
2.16.2 Pembelajaran Berasaskan Aktiviti	72
2.17 Latar Belakang Bloom Taksnomi	73





2.18 Domain Psikomotor	74
2.19 Latar Belakang Pendidikan Khas	75
2.20 Kesan Pendidikan Khas	76
2.21 Kewajaran Untuk Menjalankan Kajian Ini	77

BAB 3 METODOLOGI

3.1 Pengenalan	81
3.2 Metodologi Kajian	82
3.3 Reka Bentuk Kajian	84
3.4 Populasi dan Sampel	85
3.5 Prosedur Pemilihan Responden	86
3.6 Instrumen Kajian	88
3.7 Prosedur Pengumpulan Data	89
3.8 Pengumpulan Data Kualitatif	90
3.9 Prosedur Pengumpulan Data	93
3.10 Aktiviti Pengumpulan Data	94
3.11 Kajian Kes	96
3.12 Prosedur Penilaian Domain Psikomotor	104
3.12.1 Aktiviti Teknik Gerakan Boneka	107
3.12.1 Aktiviti Teknik Penceritaan	107
3.12.1 Aktiviti Teknik Improvisasi	110
3.13 Kaedah Menganalisis Data Untuk Aktiviti Teater Boneka	111
3.13.1 Analisis Deskritif Bagi Data Demografik Dan Kajian Kes	115





3.13.2 Analisis Tematik Untuk Setiap Domain Psikomotor	116
3.13.3 Analisis Kes Silang	117
3.13.4 Menganalisis Data Untuk Kaedah Teknik Penceritaan	118
3.13.5 Kaedah Menganalisis Data Untuk Teknik Improvisasi	119
3.14 Tafsiran	119
3.15 Laporan Dan Keputusan	120
3.16 Rumusan	123

BAB 4 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

4.1 Pengenalan	124
4.2 Analisis Deskriptif bagi Data Demografi	126
4.2.1 Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) Di Sekolah Kebangsaan Tunku Azizah, Kuantan, Pahang	126
4.2.2 Taburan Peserta MBK	128
4.2.3 Taburan Guru Mata Pelajaran	131
4.3 Analisis Deskriptif Bagi Domain Psikomotor	134
4.3.1 Kes 1: Masalah Pembelajaran (<i>Slow Learner</i>) (MBK 1)	134
4.3.2 Kes 2: Hormon (MBK 2)	137
4.3.3 Kes 3: Autisme (MBK 3)	140
4.3.4 Kes 4: Autisme (MBK 4)	143
4.3.5 Kes 5: Masalah Pembelajaran (<i>Slow Learner</i>) (MBK 5)	146
4.3.6 Kes 6: Disleksia (MBK 6)	149
4.3.7 Kes 7: Sawan (MBK 7)	153
4.3.8 Kes 8: Hiperaktif (MBK 8)	156





4.3.9 Kes 9: Autisme (MBK 9)	159
4.3.10 Kes 10: Masalah Pembelajaran (<i>Slow Learner</i>) (MBK 10)	162
4.4 Analisi Tematik Bagi Domain Psikomotor	165
4.4.1 Tema 1: Persepsi	166
4.4.2 Tema 2: Respon	168
4.4.3 Tema 3: Adaptasi	170
4.4.4 Tema 4: Organisasi	172
4.5 Analisis Kes Silang	175
4.6 Perbincangan	178

BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN



5.1 Pendahuluan	183
5.2 Kesimpulan Dapatan Kajian	184
5.3 Inovasi Dari Dapatan Kajian	193
5.4 Implikasi Kajian	194
5.4.1 Implikasi Dari Segi Praktikal	194
5.4.2 Implikasi Dari Segi Metodologi	196
5.5 Cadangan Kajian Masa Hadapan	197
RUJUKAN	202
LAMPIRAN	212





SENARAI JADUAL

3.1 :Rumusan Reka bentuk Kajian	85
3.2 Peringkat Penilaian kajian kes	100
3.3 Dimensi kajian	104
3.4 Rumusan Penilaian Domain Psikomotor Secara Keseluruhan	105
3.5 Kaedah Analisis Data Matriks Dengan Dimensi Taksonomi Bloom	114
3.6 Pengukuran dan Penilaian dalam Pengajaran	116
4.1 Profil Demografi Responden	129
4.2 Taburan Guru Mata Pelajaran Berasaskan Ciri Demografi	132
4.3 Perubahan Domain Psikomotor Mengikut Teknik Teater Boneka (MBK1)	135
4.4 Tahap Dan Tempoh Pencapaian Domain Psikomotor MBK 1	136
4.5 Perubahan Domain Psikomotor Mengikut Teknik Teater Boneka (MBK2)	138
4.6 Tahap Dan Tempoh Pencapaian Domain Psikomotor MBK 2	139
4.7 Perubahan Domain Psikomotor Mengikut Teknik Teater Boneka (MBK3)	141
4.8 Tahap Dan Tempoh Pencapaian Domain Psikomotor MBK 3	142
4.9 Perubahan Domain Psikomotor Mengikut Teknik Teater Boneka (MBK4)	144
4.10 Tahap Dan Tempoh Pencapaian Domain Psikomotor MBK 4	145
4.11 Perubahan Domain Psikomotor Mengikut Teknik Teater Boneka (MBK5)	147
4.12 Tahap Dan Tempoh Pencapaian Domain Psikomotor MBK 5	148
4.13 Perubahan Domain Psikomotor Mengikut Teknik Teater Boneka (MBK6)	150
4.14 Tahap Dan Tempoh Pencapaian Domain Psikomotor MBK 6	151
4.15 Perubahan Domain Psikomotor Mengikut Teknik Teater Boneka (MBK7)	153





4.16 Tahap Dan Tempoh Pencapaian Domain Psikomotor MBK 7	154
4.17 Perubahan Domain Psikomotor Mengikut Teknik Teater Boneka (MBK8)	156
4.18 Tahap Dan Tempoh Pencapaian Domain Psikomotor MBK 8	157
4.19 Perubahan Domain Psikomotor Mengikut Teknik Teater Boneka (MBK9)	159
4.20 Tahap Dan Tempoh Pencapaian Domain Psikomotor MBK 9	160
4.21 Perubahan Domain Psikomotor Mengikut Teknik Teater Boneka (MBK10)	163
4.22 Tahap Dan Tempoh Pencapaian Domain Psikootor MBK 10	164
4.23 Rekod Penguasaan Murid Bagi Komponen Domain Persepsi	166
4.24 Rekod Penguasaan Murid Bagi Komponen Domain Respon	167
4.25 Rekod Penguasaan Murid Bagi Komponen Domain Adaptasi	168
4.26 Rekod Penguasaan Murid Bagi Komponan Domain Organisasi	172
4.27 Ringkasan Dapatan Kajian Tahap Dan Tempoh Peningkatan Domain Psikomotor	174





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

XV

SENARAI RAJAH

1.1 Kerangka Kajian	16
1.2 Penerangan Keseluruhan Proses Kajian	19



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI SINGKATAN

(KPM)	Kementerian Pendidikan Malaysia
(PPPM)	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
(IPGM)	Intitut Pengajian Guru Malaysia
(MBK)	Murid Berkeperluan Khas
(ADHD)	Attention deficit Hyperactive Disorder
(DDP)	Teater Boneka
(OKU)	Orang Kurang Upaya
(UNESCO)	United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization
(WAEC)	Wisconsin Education Association Council
(EFL)	English as Foreign Language
(NCCA)	Majlis Kebangsaan bagi Kurikulum dan Penilaian
(EBD)	Emotional Behaviour Disorder
(WHO)	Word Health Organization
(SPSS)	Statistical Package For Social Sciences
(UPSI)	Universiti Pendidikan Sultan Idris
(SKTA)	Sekolah Kebangsaan Tunku Azizah
(PPM)	Pembantu Pengurusan Murid
(PPKI)	Penubuhan Program Pendidikan Khas Integrasi
(GTPI)	Guru Tambahan Pendidikan Islam
(PKPI)	Program Khas Pendidikan Integrasi
(PPI)	Program Pendidikan Integrasi





BAB 1

PENGENALAN



1.1 Pendahuluan

Teater boneka merupakan salah satu cabang set amalan atau aktiviti yang boleh dijadikan sebagai medium pembelajaran oleh pengajar bagi menyampaikan maklumat sesuatu pembelajaran. Teater boneka memang terkenal dalam semua golongan masyarakat. Aktiviti teater merujuk kepada sejenis aktiviti seni di mana peserta diberi kebebasan melakonkan senario khayalan atau menunjukkan imej rekaan sama ada mengikut sesebuah skrip yang diberikan atau secara spontan bergantung kepada kehendak teater melalui tiga proses iaitu; tindakan, refleksi dan transformasi (McAvoy,





Hunt & van de Water, 2015; Taylor, 2004). Tidak dapat dinafikan bahawa teater boneka sememangnya menjadi satu kaedah pengajaran yang sering digunakan oleh guru bahasa terhadap murid normal di sekolah harian biasa. Kajian lepas telah menunjukkan bahawa murid berkeupayaan membangunkan pengetahuan mendalam semasa melibatkan diri mereka dalam bidang teater (Norris, 2000). Ini kerana penglibatan murid secara berterusan dalam bidang teater boneka akan membuka jalan dan peluang kepada murid untuk meneroka cara-cara mengenali empati atau kesedaran terhadap orang lain. Malahan, kajian lepas juga telah membuktikan bahawa melalui pendekatan teater boneka ini, ia akan membuatkan murid berjaya mencapai tahap pemikiran rasional terhadap keadilan sosial dan meningkatkan kesedaran mereka terhadap isu-isu sosial yang sedang diperkatakan pada ketika itu (Deasy, 2002; Taylor, 1998). Selain itu, kajian yang telah dilakukan oleh San (1996), telah mentakrifkan bahawa aktiviti teater adalah satu bentuk

kaedah komunikasi yang memberi peluang untuk mengetahui kehidupan harian melalui aktiviti lakonan dan visual yang memberi bayangan keadaan atau situasi tertentu dengan lebih berkesan.

Dalam pada itu, program pendidikan khas didapati telah berkembang di bawah kelolaan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) di mana Sistem Pendidikan Kebangsaan telah diperincangkan seterusnya diwujudkan pada tahun 1957. Maka, sebuah unit khas bagi mengendalikan serta memantau keperluan hal ehwal pendidikan dan isu-isu berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran bagi murid-murid berkeperluan khas yang dikenali sebagai Unit Pelajaran Khas telah ditubuhkan pada tahun 1964. Unit tersebut ketika awal penubuhannya telah ditempatkan di bawah





bidang kuasa Bahagian Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia yang menjalankan tugas-tugas pemantauan serta pengelolaan pendidikan bagi murid-murid berkeperluan khas sehinggalah unit tersebut diolah semula dan diletakkan di bawah seliaan Jabatan Pendidikan Khas bertempat di KPM bermula dari Oktober 1995 (KPM, 2004).

Menurut laporan di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2015-2025, istilah “murid berkeperluan khas” (MBK) turut dikenali sebagai murid-murid yang menghadapi masalah yang lazimnya tidak dialami oleh murid-murid normal di mana MBK mempunyai permasalahan dari segi penglihatan, pendengaran, pertuturan, mempunyai kecacatan dan kekurangan keupayaan mengikut jenis dan kategori tertentu serta mempunyai masalah kelambatan dalam menerima pembelajaran contohnya seperti autisme, *Sindrom Down*, perhatian defisit gangguan hiperaktif dan disleksia. Di Malaysia, didapati hanya 1% daripada penduduk telah dikenal pasti mempunyai keperluan khas serta berdaftar dalam program pendidikan khas yang sesuai dengan keperluan masing-masing. Justeru itu, PPPM menyatakan bahawa hanya terdapat sebahagian kecil daripada keseluruhan MBK pada masa ini terlibat dalam program yang sesuai dengan diri masing-masing. Murid yang mengikuti program inklusif adalah sebanyak 6% sahaja di mana 89% murid pada ketika ini sedang menghadiri program bersepadu manakala selebihnya pula diperuntukkan bagi menghadiri sekolah-sekolah pendidikan khas di seluruh Malaysia mengikut keperluan serta program yang ditawarkan di sekolah-sekolah tersebut iaitu sebanyak 5% (PPPM, 2015-2025).





Bertitik tolak daripada kenyataan di atas, sememangnya sejak dahulu lagi setelah penubuhan unit pendidikan khas pada tahun 1964, KPM tidak ketinggalan dalam usaha mereka untuk menjaga nasib serta keperluan murid-murid pendidikan khas. Hal ini jelas dibuktikan melalui laporan peningkatan 15% enrolmen bagi kemasukan tahunan daripada 50,000 murid sahaja pada tahun 2011, yang kemudiannya meningkat kepada 88,000 pada tahun 2015. Daripada keseluruhan jumlah ini, 88,000 murid-murid (30%) telah disasarkan mengikuti program pendidikan inklusif di bawah kelolaan KPM.

1.2 Latar Belakang Teater Boneka Dalam Bidang Pendidikan

Teater boneka membawa maksud penceritaan sesebuah kisah menggunakan medium bukan manusia seperti boneka yang dibentuk khas dengan tujuan untuk menarik minat serta bersifat menterujakan kepada orang yang melihatnya terutamanya dalam golongan kanak-kanak kecil. Ini dapat dibuktikan dalam kajian oleh Loy (2011), di mana beliau turut menyatakan bahawa kaedah penggunaan teater boneka sebagai medium pengajaran pedagogi mempunyai tujuan untuk meningkatkan serta memperbaiki kemahiran interaksi sosial bagi kanak-kanak kecil. Dapatan kajian tersebut juga jelas menunjukkan bahawa melalui aplikasi persembahan teater boneka, kanak-kanak kecil lazimnya dapat berinteraksi sesama sendiri serta bersama orang dewasa secara aktif. Perkara ini dilihat dapat memberi sesuatu impak positif dalam kelakuan kanak-kanak ketika mereka bermain, berinteraksi, berbual serta bersosial





bersama rakan sebaya mereka. Di samping itu, Taylor (1998) menyatakan bahawa teater melibatkan kedua-dua pihak guru dan murid secara aktif dalam usaha mencipta dan menyesuaikan persepsi mereka melalui refleksi dan analisis. Lebih-lebih lagi teater membantu murid untuk melanjutkan dan mendalami pemahaman 'keadaan sebenar manusia'. Dalam erti kata lain, penyertaan dalam teater akan merefleksi penilaian dan pengalaman peserta dan bukannya hanya menonton dari luar. Kao dan O'Neill (1998) menyatakan bahawa teater akan mengekalkan interaksi sesama murid dengan bahasa. Pada masa yang sama, teater mewujudkan peranan hubungan sosial di mana murid akan menjadi peserta yang aktif. Teater memberikan tumpuan kepada rundingan yang bermakna dan meningkatkan kecekapan sosial serta meningkatkan kemahiran mendengar dan bertutur (Ozdemir & Cakmak, 2008). Guru-guru juga melaporkan bahawa mereka mempunyai masa yang lebih serta mudah menarik perhatian murid

dengan menggunakan teater berbanding kaedah pengajaran tradisional (Gaudart, 1990).

Dalam kajian selanjutnya yang lebih terkini, Loy, Aminah Ayob dan Nordin Mamat (2015) turut membuktikan bahawa penggunaan kaedah teater kanak-kanak dalam pengajaran peringkat prasekolah berjaya mendatangkan hasil yang positif terhadap beberapa aspek interaksi yang telah dijalankan dalam kajian mereka. Responden dari kalangan kanak-kanak yang dipilih bagi kajian tersebut didapati menunjukkan reaksi yang amat memberangsangkan ketika mereka diminta melakukan aktiviti seperti berbual, menyanyi dan bercerita. Malahan, kajian tersebut juga dapat menyimpulkan bahawa kanak-kanak yang terlibat dalam uji kaji tersebut dapat menghasilkan corak penceritaan yang lebih kreatif serta menarik ketika kanak-kanak



tersebut diminta berbincang serta melakonkan teater boneka secara berkumpulan berbanding dengan hanya melakukan aktiviti penceritaan tersebut secara borseorangan. Lantaran kepada dapatan kajian tersebut, jelaslah bahawa hasil kajian menunjukkan aktiviti teater boneka ini merupakan satu kaedah pedagogi yang penting. peranannya dapat diperluaskan dalam usaha membantu murid terutama dalam kalangan kanak-kanak memupuk sifat-sifat yang baik serta sikap-sikap yang murni seperti bertolak ansur dan bekerjasama sesama sendiri.

Di samping itu, aktiviti teater boneka dalam kalangan kanak-kanak juga dapat membantu memupuk sifat saling memerlukan di antara satu sama lain dalam membuat sesuatu keputusan semasa aktiviti dijalankan. Ini kerana kelebihan perlaksanaan aktiviti teater boneka ini didapati boleh memupuk sifat terpuji serta positif dalam melakukan

interaksi sosial dalam kalangan individu. Dalam kajian yang dijalankan oleh Loy, Aminah Ayob dan Nordin Mamat (2015), mendapati teater boneka dapat membantu kanak-kanak mengembangkan interaksi sesama mereka secara berkumpulan. Komunikasi antara sesebuah kumpulan dengan kumpulan yang lain juga dapat diterapkan ketika kanak-kanak melakukan aktiviti teater boneka. Kajian oleh Loy (2017) juga turut mengesahkan bahawa penggunaan teknik teater boneka dapat membantu pelajar meningkatkan perkembangan sosial dan emosi kanak-kanak prasekolah.

Menurut Olson (2008) dan Jani (2006), domain psikomotor adalah termasuk pergerakan fizikal, koordinasi, dan penggunaan kemahiran motor oleh seseorang.



Walaubagaimanapun, bimbingan dan arahan yang betul daripada guru amat diperlukan untuk memastikan semua murid memperoleh corak pergerakan yang betul. Ini adalah disebabkan sebahagian daripada kaedah pengajaran tradisional tidak dapat mencungkil minat murid ekoran daripada kekurangan pelbagai bahan bantu mengajar dan kreativiti guru. Ini disokong oleh Abdullah dan Gibb (2006), di mana MBK di sekolah pendidikan khas diformatkan untuk belajar berorientasikan buku teks dan sentiasa dilatih untuk melengkapkan tugas yang diberi oleh guru. Selain dari itu, Synkova (2013) juga menyatakan bahawa kebanyakan guru enggan menggunakan teater sebagai teknik pengajaran di dalam bilik darjah. Ini adalah kerana mereka menganggap bahawa apa-apa "sandiwara" mungkin mempengaruhi mereka untuk melangkah keluar daripada pengajaran tradisional mereka. Di samping itu, Stinson (2009), menyeru penglibatan setiap guru dalam program teater di mana mereka perlu mempunyai sikap positif terhadap teater. Oleh yang demikian, kajian ini mengkaji tahap pencapaian domain psikomotor menerusi penggunaan teater boneka di kalangan MBK serta menentukan tempoh yang diperlukan oleh setiap MBK untuk mula bertindak balas dalam meningkatkan domain psikomotor mereka setelah penggunaan teater boneka dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran mereka.

1.3 Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengetahui tentang peningkatan domain psikomotor dalam kalangan murid sekolah, khususnya MBK melalui





pengimplementasian aktiviti teknik teater boneka dalam bilik darjah. Pada masa yang sama, pengkaji juga berazam untuk mempopularkan teknik teater boneka sebagai suatu teknik pedagogi alternatif kepada para guru dan tenaga pengajar sekolah pendidikan khas dalam melancarkan proses pengajaran dan pembelajaran ketika setiap sesi pengajaran dan pembelajaran bersama MBK di semua sekolah di Malaysia.

Sebagai seorang guru yang berpengalaman bersama MBK, pengkaji telah mengambil langkah positif ke arah mengubah nasib MBK melalui penggunaan teknik teater boneka dalam usaha membina watak yang dapat menginspirasi serta memotivasi mereka dalam menghadapi dugaan semasa dan pada masa hadapan. Pengkaji juga merasakan bahawa tindakan ini boleh menjadi perangsang utama kepada domain psikomotor serta perubahan tingkah laku dalam kalangan MBK ke arah menjalani kehidupan sosial yang lebih bermakna tanpa berasa malu dan segan serta didorong pembinaan personaliti diri yang lebih mantap. Pengkaji berharap hasil penemuan dan cadangan yang diperolehi daripada data-data kajian ini akan menjadi sumber rujukan kepada guru-guru pendidikan khas dalam usaha mempertingkatkan lagi kualiti pengajaran dan pembelajaran di masa akan datang.

Jika merujuk kepada kenyataan Keperluan Pendidikan Khas (1994), laporan tersebut telah mengesahkan bahawa pendidikan berprestasi tinggi hanya boleh dilahirkan dengan menerima pakai pendekatan yang lebih inklusif untuk mendidik MBK (PPPM, 2015). Pada masa yang sama, Akta Orang Kurang Upaya Perkara (28) mengesahkan bahawa, kanak-kanak istimewa di Malaysia perlu diberi sokongan yang





sama rata melalui penyertaan mereka dalam pelbagai bidang. Oleh itu, pengkaji amat yakin bahawa pengajaran berorientasikan teater boneka adalah cara pengajaran yang paling efektif dan berkesan untuk mewujudkan komuniti dan membina masyarakat yang inklusif dalam kalangan MBK.

1.4 Penyataan Masalah

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji tahap pencapaian domain psikomotor menerusi penggunaan teater boneka di kalangan MBK serta menentukan tempoh yang diperlukan oleh setiap MBK untuk mula bertindak balas dalam meningkatkan domain psikomotor mereka setelah penggunaan teater boneka dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran.

Punca utama tercetusnya keinginan untuk mengetahui kebolehan perubahan kemahiran psikomotor MBK ini adalah kerana pengkaji merupakan guru yang terlibat dalam pendidikan MBK. Di sekolah yang telah dipilih sebagai kajian lapangan, terdapat 10 orang MBK yang mengalami masalah dari aspek psikomotor seperti yang telah disahkan oleh guru mata pelajaran Bahasa Melayu di sekolah tersebut. Menurut Abdullah dan Gibb (2006), pengajaran dan pembelajaran murid MBK di sekolah pendidikan khas di Malaysia berorientasikan buku teks dan bahan-bahan digital. Menurut kajian tersebut, MBK juga dilatih agar melengkapkan tugas yang telah diberi oleh guru. Namun begitu, sebagai pendidik yang telah berkecimpung dalam bidang pendidikan khas, pengkaji merasakan bahawa MBK perlu diberikan pendedahan terhadap kaedah pengajaran dan pembelajaran alternatif bagi merangsang





kemahuan mereka untuk memberi tindakbalas dari segi psikomotor iaitu empat komponen yang telah digariskan oleh Taksonomi Bloom (1954); persepsi, respon, adaptasi serta organisasi. Ini adalah kerana perkembangan psikomotor adalah amat penting bagi menyediakan MBK untuk berhadapan dengan alam kehidupan mereka sehari-hari. Kepentingan perkembangan psikomotor ini telah dijelaskan dalam kajian Ibrahim et al. (2018) di mana kajian tersebut menggariskan bahawa perkembangan psikomotor yang tidak stabil boleh menyebabkan terjejasnya kemahiran berfungsi seseorang MBK. Oleh itu, adalah jelas bahawa perkembangan psikomotor merupakan aspek yang sangat penting untuk dititikberatkan dalam pengajaran dan pembelajaran MBK di Malaysia.

Kajian Bilngs dan Hallstead (2005) menyatakan bahawa teater boneka mampu merangsangkan perkembangan dalam kalangan kanak-kanak namun kajian berkenaan amat sedikit. Di Malaysia juga, kajian oleh Loy (2017) turut dijalankan terhadap kepentingan teater boneka sebagai alat pedagogi namun kajian tersebut terbatas kepada perkembangan sosial dan emosi kanak-kanak. Sementara itu, Kroger dan Nupponen (2019) menjelaskan tentang pentingnya teater boneka sebagai alat pedagogi dalam bidang pendidikan. Kajian tersebut dilakukan bagi mengenalpasti aspek kemahiran yang dapat dipertingkatkan setelah teknik teater boneka diaplikasikan sebagai kaedah pengajaran dan pembelajaran. Antara aspek yang dikenalpasti mendapat manfaat dari pengendalian teater boneka adalah menjana komunikasi, menyokong suasana bilik darjah yang positif, meningkatkan kreativiti, memupuk kerjasama dan penyatuhan





dalam satu kumpulan, dan mengubah sikap murid menjadi lebih bersemangat dan positif terhadap suasana pembelajaran.

Di samping itu, Bartoszeck, Machado dan Amann-Gainotti (2008) serta André, Hastie dan Araújo (2015) mentakrifkan bahawa strategi pengajaran yang ditetapkan untuk mengukur kemahiran psikomotor murid dalam bidang pedagogi ini sering merujuk pada prestasi dan aktiviti fizikal murid, seperti aktiviti sukan. Oleh yang demikian, kajian ini menjadi antara kajian pertama yang mengukur prestasi perubahan psikomotor khususnya dalam kalangan MBK di negara Malaysia. Terdapat beberapa kajian lepas yang dilakukan dalam kalangan MBK yang dijalankan oleh para pengkaji di Malaysia dalam usaha untuk mengetahui strategi dan teknik mengajar yang berkesan untuk golongan MBK yang telah dilakukan oleh Yaakub dan Ahmad (2007) serta kajian

berkenaan kesedaran guru tentang pentingnya pergerakan kreatif kepada MBK di sekolah rendah oleh Abdullah Kamal (2007). Sungguhpun terdapat sejumlah kajian yang dilakukan dalam konteks MBK di Malaysia, namun kajian-kajian tersebut tidak menjurus ke arah mengkaji perubahan psikomotor dalam kalangan responden yang telah dipilih. Ini jelas menunjukkan bahawa belum lagi terdapat kajian khusus yang dilakukan yang boleh menggambarkan perubahan psikomotor oleh para MBK dalam sesi pembelajaran. Dalam kajian terkini, Abdullah (2020) juga turut menyarankan program inklusif bagi MBK di sekolah pendidikan khas di Malaysia, namun sepertimana kajian-kajian yang lain, kajian beliau juga tidak menjurus kepada perkembangan psikomotor terhadap MBK.



Walaupun kajian mengenai kebaikan teater boneka telah banyak dijalankan di Malaysia mahupun di tahap antarabangsa, semua kajian yang tertera di atas itu tidak menerangkan secara komprehensif tentang aspek perkembangan psikomotor khususnya dalam kalangan MBK. Oleh yang demikian kajian ini bertujuan untuk membuktikan bahawa melalui pengimplementasian aktiviti teater boneka oleh MBK, ia mampu mengubah domain psikomotor murid-murid tersebut. Selain daripada itu, hasil penelitian daripada kajian lepas turut menyatakan bahawa para pengkaji telah menemui kebanyakan kajian yang dilakukan bagi mengukur prestasi psikomotor dalam konteks pedagogi hanya dihadkan kepada; pengetahuan tertentu, penerangan, dan dokumentasi. Manakala Wagner (2002) serta Metz (1989) mendapati bahawa kebanyakan pihak sekolah mempunyai pemahaman yang sangat terhad terhadap istilah teater serta teater boneka dan beranggapan bahawa istilah-istilah ini adalah luar biasa. Kekurangan pengetahuan ini telah mendorong kepada kurangnya galakan daripada pihak sekolah terhadap penggunaan proses teater boneka atau teater pedagogi bagi MBK dalam sesi pembelajaran mereka. Menurut Friend dan Bursuck (2002), murid yang mengikuti program pendidikan khas biasanya menghadapi dua kesukaran iaitu dari segi pemahaman dan ingatan. Oleh hal yang demikian, seperti mana 10 MBK yang menjadi peserta kajian lapangan dalam kajian ini, kebanyakan daripada mereka ketinggalan dalam pelbagai aspek lain yang berkaitan dengan pemahaman, komunikasi dan pencapaian akademik. Maka kajian ini merupakan antara kajian pertama yang menjalankan kajian terhadap MBK melalui kajian kes dalam usaha untuk mengetahui tahap perubahan kebolehan psikomotor di kalangan murid-murid tersebut setelah pengimplimetasian kaedah teater boneka dalam pengajaran dan pembelajaran mereka.



McNett (2012) dalam kajiannya tentang keberkesanan kaedah pengajaran untuk meningkatkan kemahiran psikomotor menyatakan bahawa beliau lebih mengesyorkan kaedah penggabungan kuliah, demonstrasi dan pengajaran interaktif komputer sebagai pilihan utama dalam kalangan murid. Malah kajian ini ingin menggunakan kaedah teater boneka sebagai bahan pedagogi alternatif kepada MBK selain daripada penggunaan peralatan pengajaran berorientasikan buku teks serta bahan-bahan digital yang sudah digunakan oleh sekolah (Abdullah dan Gibb, 2006).

Oleh yang demikian, kajian ini bertekad untuk mengetahui pada tahap manakah pengajaran menggunakan kaedah teater boneka untuk mengajar murid berkeperluan khas akan meningkatkan kemahiran psikomotor, yang akan diambil kira untuk menjawab persoalan kajian. Di samping itu juga, tempoh masa yang diambil bagi mendapatkan hasil perkembangan positif domain psikomotor MBK juga diambil kira dalam kajian ini.

1.5 Objektif Kajian

Objektif merupakan matlamat sesebuah kajian bagi menentukan hala tuju kajian tersebut. Bagi mencapai tujuan kajian ini, berikut adalah dua objektif yang disarankan:

1. Untuk mengenalpasti tahap pencapaian domain psikomotor menerusi penggunaan teater boneka di kalangan MBK.





2. Untuk menganalisis tindakbalas MBK yang mengikuti aktiviti teater boneka dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran bagi meningkatkan domain psikomotor.
3. Untuk membincangkan implikasi pelaksanaan teater boneka terhadap MBK yang mengikuti aktiviti teater boneka dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran bagi meningkatkan domain psikomotor.

1.6 Persoalan Kajian

Persoalan kajian pula merupakan bentuk soalan yang akan membantu sesebuah kajian



sebelum ini. Bagi kajian ini, berikut adalah dua soalan kajian yang telah ditetapkan.


1. Apakah tahap pencapaian domain psikomotor menerusi penggunaan teater boneka di kalangan MBK?
2. Apakah tindakbalas MBK yang mengikuti aktiviti teater boneka dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran bagi meningkatkan domain psikomotor?
3. Apakah implikasi pelaksanaan teater boneka terhadap MBK yang mengikuti aktiviti teater boneka dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran bagi meningkatkan domain psikomotor?



1.7 Hipotesis Kajian

1. Teknik teater boneka berkesan dalam meningkatkan psikomotor dalam kalangan MBK.
2. Teknik teater boneka menunjukkan tindakbalas MBK dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran bagi meningkatkan domain psikomotor.
3. Teknik teater boneka memberi implikasi pelaksanaan terhadap MBK dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran bagi meningkatkan domain psikomotor.

1.8 Kerangka Kajian



Rajah Carta Alir 1.1 : Kerangka Kajian

Rajah 1.1 di atas menerangkan rangka keseluruhan kajian ini. Pengkaji menggunakan teknik teater boneka untuk menentukan tahap dan tempoh masa yang diambil oleh MBK untuk meningkatkan domain psikomotor mereka. Secara amnya, dalam teknik teater boneka ini, terdapat tiga jenis pemboleh ubah bebas dalam rangka di atas iaitu; pergerakan boneka, improvisasi, serta teknik penceritaan yang diaplikasikan semasa pengajaran dan pembelajaran dalam usaha meningkatkan domain psikomotor dalam kalangan MBK. Manakala pemboleh ubah ketiga pula merupakan pemboleh ubah bersandar untuk memperkenalkan teknik teater boneka sebagai pengajaran alternatif kepada guru pendidikan khas dalam usaha menjayakan keperluan yang telah dinyatakan di atas. Pemboleh ubah bersandar tersebut ialah penggunaan teknik teater boneka.

Semasa aktiviti teater boneka dijalankan, murid akan menggerakkan tangan mengikut dialog atau jalan cerita yang telah ditetapkan oleh pengkaji. Pergerakan tangan ini dilakukan semasa aktiviti teater boneka dijalankan, secara tidak langsung improvisasi akan mengambil tempat dari segi pergerakan tangan mengikut situasi jalan cerita serta pengucapan dialog. Teknik penceritaan juga turut diaplikasikan oleh murid secara penghafalan dialog dan jalan cerita secara keseluruhan. Tahap pencapaian psikomotor murid pula diukur dengan menggunakan domain Taksonomi Bloom iaitu dari aspek Persepsi, Respon, Adaptasi dan Organisasi. Perubahan komponen domain ini jelas dilihat dengan adanya aktiviti pergerakan boneka, improvisasi serta penceritaan.



Secara umumnya, kerangka kajian di atas menerangkan kitaran tentang bagaimana teknik teater boneka dijayakan dalam pengajaran dan pembelajaran seterusnya mempengaruhi domain psikomotor dalam kalangan MBK dan mencari bukti bahawa adakah teknik teater boneka boleh dijadiakan sebagai satu kaedah pedagogi alternatif kepada guru pendidikan khas.

1.9 Skop dan Batasan Kajian

Kajian ini memberi fokus kepada sejauh mana pengimplementasian teknik teater boneka mampu mempengaruhi domain psikomotor dalam kalangan MBK. Pada asasnya, kajian

ini mensasarkan MBK yang belajar di Sekolah Kebangsaan Tunku Azizah, Kuantan, Pahang. Kajian ini hanya dijalankan di Malaysia dengan memilih satu sekolah pendidikan khas yang berlokasi di Kuantan, Pahang. Kajian ini mengumpul data dengan menggunakan kaedah kajian kes dan pemerhatian terhadap 10 murid MBK di sekolah pendidikan khas Tunku Azizah Kuantan. Pemilihan sampel ini adalah berdasarkan pengesahan guru mata pelajaran Bahasa Melayu di sekolah tersebut bahawa murid yang dipilih sememangnya mempunyai masalah dari aspek psikomotor. Unit analisis kajian ini adalah MBK di mana pengkaji menjalankan kajian terhadap murid-murid tersebut selama 10 minggu dalam usaha mengekstrak maklumat dan menentukan sama ada hasil kajian adalah sejajar dengan objektif kajian. Ini bertujuan untuk menentukan tindak balas individu terhadap kaedah teater boneka yang



membawa perubahan psikomotor MBK. Oleh itu, data yang telah dikumpul akan digunakan untuk menentukan sejauh mana penggunaan teater boneka mempengaruhi domain psikomotor dalam kalangan murid berkeperluan khas.

Kajian ini juga memerlukan MBK melibatkan diri dalam aktiviti teater boneka yang dijalankan di dalam kelas. Bagi mengukur keupayaan responden terhadap domain psikomotor, beberapa aspek diambil kira iaitu presepsi, respon, adaptasi dan organisasi. Pengkaji dan pemerhati merekodkan tindak balas serta perkembangan murid ketika teater boneka berlangsung. Melalui teknik penceritaan, tindakbalas seperti penghafalan dialog dan pemahaman jalan cerita secara keseluruhan turut diperhatikan dalam kajian ini. Bagi improvisasi pula, tindak balas seperti pergerakan tangan serta keupayaan murid untuk melakukan penyesuaian mengikut kemampuan dan kebolehan diri masing-masing

05-4506832 juga diambil kira. Gambarajah 1.2 menunjukkan carta alir turutur kajian yang dilakukan oleh pengkaji terhadap MBK yang menjadi responden kajian ini.



Rajah 1.2: Penerangan keseluruhan proses kajian (Lakshmi, 2019)



Ketika kajian ini berlangsung, terdapat beberapa masalah serta isu yang menjadi batasan kajian yang dilakukan dalam satu sekolah yang terletak di daerah Kuantan, Pahang. Eksperimen kajian ini dilakukan bersama 10 orang MBK sahaja. Oleh kerana bilangan responden yang dipilih hanya sedikit, maka tidak begitu banyak data yang dapat dikumpul secara menyeluruh yang dapat menggambarkan suasana keseluruhan kajian yang telah dijalankan. Selain dari aspek bilangan responden kajian, tempoh masa kajian ini juga berlangsung hanya untuk jangka masa yang terlalu pendek untuk mendapatkan data yang mana hanya selama 10 minggu iaitu 3 minggu adalah berkaitan proses pemilihan responden yang terlibat manakala baki 7 minggu lagi hanya diperuntukkan bagi perlaksanaan aktiviti teater boneka dalam kalangan kanak-kanak sekolah yang telah dipilih terutamanya MBK.



1.10 Signifikasi Kajian

1. Hasil kajian ini dijangka dapat menyumbang pengetahuan kepada pengkaji dan pembaca tentang peranan teater boneka dalam meningkatkan domain psikomotor dalam kalangan murid MBK.

2. Hasil kajian ini boleh digunakan sebagai panduan oleh KPM untuk membangunkan sukan pelajaran sekolah pendidikan khas yang merevolusikan





dasar pendidikan Malaysia terutamanya sukanan berteraskan murid pendidikan khas.

3. Guru-guru yang berkhidmat di sekolah pendidikan khas boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai gaya pembelajaran murid MBK yang boleh dijadikan panduan asas.
4. Hasil kajian ini dijangka akan memberi gambaran yang jelas kepada pihak- pihak yang ingin mendapatkan pemahaman yang lebih mendalam terhadap keberkesanan kaedah teater boneka dalam menyumbang kepada perkembangan domain psikomotor dalam mendidik MBK.
5. Guru-guru sekolah pendidikan khas dapat menyediakan bahan pengajaran yang lebih baik dan bersesuaian dengan merujuk metodologi kajian ini.
6. Hasil kajian ini akan membawa kesedaran kepada guru-guru yang berkhidmat di sekolah pendidikan khas dalam meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran.
7. Hasil kajian ini mungkin menjadi penggerak utama dalam merevolusikan kaedah pengajaran yang sedang digunakan di sekolah pendidikan khas.





8. Hasil kajian ini akan dapat memberi wawasan yang jelas kepada pihak pengurusan sekolah pendidikan khas dan guru-guru dalam usaha bagaimana mereka boleh memberi komitmen yang tinggi kepada MBK.

9. Hasil kajian ini akan memberi penerangan yang terperinci kepada pembaca terhadap bagaimana teater boneka mempengaruhi MBK dalam membina domain psikomotor.

10. Hasil kajian ini akan memberi beberapa cadangan dalam meningkatkan sistem pendidikan khas dari segi domain psikomotor dengan memberikan bukti yang kukuh yang boleh digunakan oleh guru-guru sekolah pendidikan khas.



1.11 Definisi Pembolehubah Kajian/Definisi Operasional

1. Teater Boneka:

Teater boneka ialah amalan yang dibantu dengan menggunakan patung. Ia adalah satu strategi untuk membantu murid dengan mengajar sesebuah pembelajaran. Malah teater boneka juga turut menggalakkan murid untuk terlibat secara langsung dalam pembikinan pementasan tersebut sebagai usaha yang akan memupuk pemahaman mendalam (Brown, 1979). Menurut Loy (2011) serta Loy, Aminah Ayob dan Nordin Mamat (2015), teater boneka memainkan peranan yang penting bagi membangunkan





interaksi sosial dalam kalangan kanak-kanak terutamanya kanak-kanak pra sekolah. Teater boneka telah didapati berkesan dalam pembelajaran dengan memupuk semangat bertolak ansur, bekerjasama serta memberi kesan pengaruh positif terhadap perkembangan interaksi di antara mereka. Dalam kajian ini, teater boneka bermaksud penceritaan sesebuah kisah dalam medium pengajaran dengan menggunakan boneka yang dibentuk khas bertujuan untuk menarik minat murid yang melihatnya.

2. Improvisasi

Improvisasi merupakan aktiviti penambahbaikan yang mempunyai hubungan rapat dengan menjalankan aktiviti teater secara kolaboratif (Carles, 2003). Teknik improvisasi

terbukti dapat merangsang kemahiran berbahasa murid kerana teknik ini menuntut murid berdialog secara spontan (Abdullah, 2017). Di dalam kajian ini, Improvisasi memberi maksud sesuatu penciptaan watak yang dihasilkan tanpa dirancang ketika lakonan sedang berlangsung dengan secara spontan, atau dengan menggunakan bahan-bahan yang ada sahaja dalam pengajaran.

3. Teknik Penceritaan (*Story Telling*)

Teknik bercerita atau story telling ialah satu bentuk komunikasi yang digunakan untuk mengajar pelajaran atau menggambarkan sesuatu peristiwa secara bentuk bercerita (Rossiter, 2002). Teknik penceritaan adalah aktiviti sosial dan budaya perkongsian





cerita, atau kisah-kisah yang telah dikongsi dalam setiap budaya sebagai satu cara hiburan, pendidikan, pemeliharaan budaya dan memupuk nilai-nilai moral (Solórzano & Yosso, 2002). Dalam kajian ini, teknik penceritaan digunakan ketika peserta MBK dikehendaki membaca buku cerita ketika kajian lapangan dilakukan.

4. Pendidikan Khas:

Menurut Akta Kurang Upaya (2004), "pendidikan khas" secara khususnya direka untuk memenuhi keperluan unik seorang kanak-kanak yang kurang upaya yang dijalankan di dalam kelas, dan mempunyai ketetapannya. Pendidikan khas juga adalah satu program yang dirancang khusus untuk memenuhi pelbagai keperluan MBK. Perkara ini termasuk penggunaan bahan-bahan khas, peralatan khas, teknik pengajaran dan pembelajaran

menikut tahap kebolehan dan keupayaan murid (Chua Tee dan Koh Boh Boon, 1992).

KPM, menurut Akta Pendidikan 1996, Peraturan-peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas 1997 Bahagian II 3(2) menyediakan pendidikan khas dan kemudahan untuk murid bermasalah penglihatan dan pendengaran, manakala pendidikan khas integrasi pula adalah untuk yang bermasalah pembelajaran, penglihatan, dan pendengaran. Kajian ini dijalankan ke atas MBK dari pelbagai jenis keperluan khas seramai 10 orang.





5. Sekolah Pendidikan Khas:

Alpers (2002) mendefinisikan sekolah pendidikan khas sebagai institusi yang mempunyai persekitaran yang paling kurang menerima atau mirip kelas biasa di mana pengajar mengajar murid berdasarkan sukanan pelajaran yang sesuai atau lebih kepada murid pendidikan khas. Berdasarkan kepada kenyataan di atas, menurut Akta Pendidikan 1996, Peraturan-peraturan Pendidikan (Pendidikan Khas 1997 Bahagian II 3(2), KPM telahpun menyediakan kemudahan serta pendidikan khas untuk murid bermasalah penglihatan dan pendengaran, manakala pendidikan khas integrasi pula telah disediakan untuk murid yang bermasalah penglihatan, pendengaran, dan pembelajaran. Dalam kajian ini, Sekolah Pendidikan Khas yang telah dipilih oleh kajian lapangan adalah Sekolah Kebangsaan Tunku Azizah, Kuantan, Pahang, Malaysia.



6. Murid Berkeperluan Khas:

Menurut Heward (2003), kanak-kanak berkeperluan khas (*special needs children*) terdiri daripada kanak-kanak yang mengalami kesukaran untuk belajar. Kanak-kanak berkeperluan khas adalah merujuk kepada kanak-kanak yang memerlukan perhatian dan penjagaan yang berbeza berbanding dengan kanak-kanak normal. Kanak-kanak ini berbeza daripada kanak-kanak normal dari segi ciri-ciri mental, keupayaan deria, keupayaan berkomunikasi, tingkah laku dan emosi dan ciri-ciri fizikal. MBK juga





merupakan murid yang diperakukan oleh pengamal perubatan, atau ahli optik, ahli audiologi atau ahli psikologi mengikut mana-mana yang berkenaan, sama ada dalam perkhidmatan kerajaan atau swasta sebagai murid yang mempunyai ketidakupayaan dari segi penglihatan, pendengaran, pertuturan, fizikal, masalah pembelajaran atau mana-mana kombinasi ketidakupayaan.

Oleh yang demikian kanak-kanak khas memerlukan modifikasi atau perubahan dalam aktiviti-aktiviti sekolah ataupun perkhidmatan pendidikan khas bertujuan untuk mengembangkan potensi diri kanak-kanak khas ke tahap yang optimum dan tidak terabai seperti kanak-kanak normal. Kanak-kanak pintar cerdas (*gifted*) yang mempunyai kebolehan yang jauh lebih tinggi daripada norma juga diklasifikasikan sebagai kanak-kanak yang berkeperluan khas. Kedua-dua kumpulan murid ini memerlukan pengubahsuaian terhadap kurikulum dan kaedah mengajar supaya mereka dapat mengekspresikan potensi mereka. Dalam konteks kajian ini, MBK seramai 10 orang dari pelbagai jenis keperluan khas telah dipilih untuk menyertai aktiviti pengumpulan data.

7. Domain Psikomotor :

Psikomotor merujuk kepada kemahiran (*skill*) atau kemampuan bertindak setelah seseorang menerima pengalaman belajar. Psikomotor adalah berhubung dengan aktiviti fizikal seperti berlari, melompat, melukis, menari dan sebagainya (Bloom, 1984).





Domain psikomotor termasuk pergerakan fizikal, koordinasi, dan penggunaan kemahiran motor. Bagi kajian ini, domain psikomotor peserta MBK ketika kajian lapangan dinilai melalui Taksonomi Bloom iaitu dari aspek persepsi, respon, adaptasi serta organisasi (Bloom, 1984).

1.12 Rumusan

Kajian ini menjalankan eksperimen terhadap MBK dalam usaha untuk mengaplikasi teknik teater boneka. Tambahan pula, kajian ini mendapat KPM menjalankan beberapa langkah untuk meningkatkan kualiti pendidikan MBK. Oleh yang demikian , kajian ini dipercayai dapat membuktikan keberkesanan kaedah teater boneka yang mungkin memberi peluang kepada KPM untuk menyelitkan teknik teater boneka dalam sukanan pelajaran pendidikan khas sebagai kaedah pedagogi yang berkesan.

